



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2022 MENGENAI AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN
BERKANUN PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2022 MENGENAI PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2022 MENGENAI AUDITAN KHAS
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2022
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada hari ini, iaitu 22 November 2023 (Rabu) setelah mendapat perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
2. LKAN ini terdiri daripada 16 naskhah seperti berikut:
 - 2.1. Tiga (3) naskhah LKAN peringkat Persekutuan iaitu:
 - (a) LKAN Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan;
 - (b) LKAN Tahun 2022 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan; dan
 - (c) LKAN Tahun 2022 Mengenai Audit Khas Pengurusan Hutan Dan Impak Kepada Alam Sekitar.

- 2.2. Sebanyak 13 naskhah LKAN peringkat Negeri, iaitu LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.
3. Intipati utama bagi setiap LKAN adalah seperti berikut:

3.1. LKAN Tahun 2022 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

- (a) Bagi LKAN Tahun 2022, sebanyak 16 pengauditan prestasi telah dilaksanakan di 14 Kementerian melibatkan projek dan program bernilai RM208.882 bilion.
- (b) Antara isu signifikan yang dibangkitkan dalam LKAN pada kali ini adalah seperti berikut:
- i. **Pengurusan Program Penanaman Padi** - baki peruntukan terkumpul setakat tahun 2022 berjumlah RM448.87 juta yang disalurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk maksud pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah tidak dibelanjakan. Selain itu, isu kelewatan pembekalan baja bagi tempoh 2016 hingga 2019 merupakan satu kerugian kepada Kerajaan dan golongan sasaran kerana bekalan baja lewat diterima tetapi tiada tindakan dikenakan terhadap pembekal;
 - ii. **Program Ramalan dan Amaran Banjir** - Fasa 1 program ini (2015-2022) melibatkan tiga (3) lembangan sungai di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Namun pencapaian program ini kurang memuaskan kerana walaupun Kerajaan telah membelanjakan RM145 juta, kadar ketepatan ramalan banjir hanya 5.6% sahaja dan ianya tidak berupaya mengeluarkan amaran dan hebahan dua (2) hari lebih awal.
 - iii. **Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)** - kegagalan LADA untuk mengutip hasil pajakan tanah bagi dua (2) projek, iaitu Projek Pembangunan Hotel St. Regis sebanyak RM3.19 juta sejak tahun 2018; dan pajakan tanah untuk Projek Perkampungan Tok Senik sebanyak RM8.30 juta sejak tahun 2003;
 - iv. **Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan *Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)*** - Sistem ePPAx yang telah dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia

(KSM) dengan kos sebanyak RM19.39 juta telah diganti dengan Sistem FWCMS mulai tahun 2022. Namun, Sistem FWCMS masih tidak mempunyai kontrak sehingga kini. Selain itu, kawalan keselamatan Sistem FWCMS mendapati dua (2) ID pengguna yang berperanan sebagai *Super Admin* KSM dipegang oleh individu bukan pegawai KSM;

- v. **Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah** - prestasi projek adalah rendah kerana hanya 386 (25.6%) sekolah telah dilaksanakan Projek Naik Taraf dan Pembangunan Semula Sekolah daripada 1,505 sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif di seluruh Malaysia. Daripada 386 sekolah tersebut, hanya 123 (31.9%) telah siap bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022; dan
- vi. **Projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM)** – LGM telah melaksanakan aktiviti R&D yang merangkumi tiga (3) sektor selaras dengan fungsi yang ditetapkan. Bagaimanapun, penghasilan aktiviti R&D yang dilaksanakan masih belum dapat menyumbang secara langsung kepada pembangunan industri getah Malaysia.

3.2. LKAN Tahun 2022 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

- (a) Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan adalah untuk mengukur pencapaian objektif penubuhan syarikat melalui tiga (3) aspek yang dinilai, iaitu tadbir urus korporat, kedudukan kewangan dan pengurusan aktiviti utama syarikat. Daripada lima (5) syarikat yang diaudit, pencapaian objektif penubuhan, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

SYARIKAT	PENCAPAIAN OBJEKTIF SYARIKAT	TADBIR URUS KORPORAT	KEDUDUKAN KEWANGAN
UiTM Holdings Sdn. Bhd.	Belum Capai	Kurang Memuaskan	Kurang Stabil
Kwasa Land Sdn. Bhd.	Belum Capai	Memuaskan	Kurang Stabil
CSB Land Sdn. Bhd.	Belum Capai	Memuaskan	Kurang Stabil
Malaysia Debt Ventures Berhad	Capai	Memuaskan	Stabil
KETENGAH Holding Sdn. Bhd.	Capai	Memuaskan	Kukuh

- (b) Antara isu signifikan yang dibangkitkan dalam LKAN pada kali ini adalah seperti berikut:

- i. UiTM Holdings Sdn. Bhd.
 - RM259.98 juta suntikan modal oleh UiTM tiada kelulusan Menteri Kewangan yang tidak selaras dengan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*]; dan
 - pertukaran syarat nyata tanah daripada kategori institusi pengajian tinggi kepada kategori industri bagi projek UiTM Solar Park I di Gambang, Pahang belum diselesaikan serta dikenakan denda dan cukai tanah berjumlah RM14.69 juta.
 - ii. Kwasa Land Sdn. Bhd. (KLSB)
 - sasaran asal pembangunan Kwasa Damansara dalam tempoh 15 tahun bermula pada bulan Julai 2012 hingga tahun 2027 masih belum dicapai oleh KLSB dan KWSP;
 - hanya 5.20 ekar (0.4%) daripada keluasan keseluruhan plot tanah boleh dijual (1,324.49 ekar) siap dibangunkan sejak tahun 2012; dan
 - pelaburan KWSP dalam KLSB melibatkan modal berbayar berjumlah RM1.770 bilion namun tiada bayaran dividen sejak penubuhannya (2009).
- (c) Pengauditan khas turut dijalankan terhadap pengurusan dana bagi 11 program pembiayaan di bawah TEKUN Nasional melibatkan peruntukan yang diterima daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM395 juta bagi program pembiayaan tahun 2021. Secara keseluruhannya, pengurusan dana dan aktiviti pembiayaan TEKUN Nasional adalah kurang memuaskan.
- (d) Selain itu, Jabatan Audit Negara turut membentangkan hasil projek rintis pengauditan penilaian sendiri syarikat Kerajaan (*Box Article*) yang merupakan inisiatif baharu yang telah diperkenalkan pada tahun 2023 dan melibatkan 30 syarikat. Inisiatif ini dapat mempertingkatkan amalan tata kelola di kalangan syarikat kerajaan.

3.3. LKAN Tahun 2022 Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan Dan Impak Kepada Alam Sekitar

Kawasan litupan hutan di Malaysia pada kadar 54.6% pada tahun 2021 telah melebihi sasaran 50% yang ditetapkan di bawah Dasar Perhutanan Malaysia. Namun terdapat kelemahan dalam pengurusan data perhutanan, kelemahan penyelarasan/kerjasama antara agensi berkaitan serta keperluan menambah baik aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan.

4. Secara keseluruhan, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti/projek/program Kerajaan dari tahun 2016 hingga 2022. Terdapat isu yang menjurus kepada kerugian wang awam, pembaziran dan pembayaran tidak teratur disebabkan kegagalan Kementerian/Jabatan/Agensi dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan, kurang teliti semasa merancang aktiviti/projek/program serta pemantauan yang tidak konsisten dan tidak teliti.
5. Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.
6. Ketua Audit Negara telah mengemukakan sebanyak 261 syor audit untuk dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi serta Syarikat Kerajaan yang diaudit di peringkat Persekutuan dan Negeri.
7. LKAN Tahun 2022 peringkat Persekutuan akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangan di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 22 November 2023 jam 10.00 pagi. LKAN yang melibatkan 13 Negeri pula akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangan di Dewan Undangan Negeri masing-masing.
8. Kebanyakan isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit sedang diambil tindakan pembedulan dan penambahbaikan oleh pihak Kerajaan. Antaranya seperti Pengurusan Program Penanaman Padi; Pengurusan Ramalan dan Amaran Banjir; Kelestarian Pengangkutan Awam Darat di Lembah Klang; serta Projek Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah.
9. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyusuli isu-isu yang terkandung dalam LKAN peringkat Persekutuan melalui Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (*Auditor General's Dashboard* - AGD) yang akan dimuat naik pada 22 November 2023 mulai jam 10.30 pagi. AGD merupakan platform bagi membolehkan isu dan maklum balas terkini LKAN dipaparkan dalam talian secara telus, padat dan tepat kepada Rakyat. AGD boleh dicapai melalui alamat <https://agddashboard.audit.gov.my/>.
10. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan ini bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara
Malaysia
22 November 2023



<https://lkan.audit.gov.my/>